

Publication	Harian Metro	Section/Page No.	
Date	Rabu, 17 Ogos 2022	Lead Article	
Headline	Takaful Malaysia Catat Pendapatan Operasi RM831.9 juta		

Takaful Malaysia catat pendapatan operasi RM831.9 juta

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, pengendali takaful pertama di Malaysia mencatatkan pendapatan operasi RM831.9 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2022.

Ia meningkat 19 peratus berbanding RM701.2 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya, disumbangkan oleh jualan lebih tinggi yang

dijana daripada perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am.

Kumpulan juga mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM107.2 juta, lebih tinggi sebanyak 12 peratus berbanding RM95.7 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, disumbangkan pendapatan yuran wakalah bersih yang

lebih tinggi.

Bagaimanapun, keuntungan bersih kumpulan turun 15 peratus daripada RM81.8 juta kepada RM69.7 juta, disumbangkan oleh Cukai Makmur dan perubahan dalam akta cukai ke atas pendapatan larasan berhubung dengan perniagaan Takaful Keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Nor Azman Zainal berkata, asas kewangan dan daya tahan operasi yang kukuh membolehkan syarikat meneruskan prestasi perniagaan yang baik pada 2022.

Katanya, kumpulan akan memanfaatkan kedudukan peneraju pasarannya dalam produk sumbangan tunggal

sambil memberi tumpuan kepada produk sumbangan tetap runcit untuk mempelbagaikan lagi portfolio perniagaan.

"Ini sebahagian daripada strategi utama untuk mengembangkan perniagaan dalam pasaran runcit yang belum diterokai kerana pasaran Takaful Keluarga mempunyai penembusan

yang lebih rendah iaitu sebanyak 18.6 peratus," katanya menerusi kenyataan.

Bagi suku berakhir 30 Jun 2022, perniagaan Takaful Keluarga mencatatkan caruman perolehan kasar sebanyak RM506.1 juta lebih tinggi sebanyak 14 peratus, berbanding RM444.1 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.